



INGIN TAHU... Pendedahan berkiatan perlindungan hidupan liar perlu disemai sejak di bangku sekolah rendah.

Unimas perkenalkan Kembara Zoologi

SARENA HAIDIR
 FOTO: AZLANDY M.A.T

TAHUKAH anda bahawa Malaysia merupakan antara 12 negara yang memiliki spesies endemik iaitu spesies hidupan liar yang hanya boleh ditemui di sesengah tempat dan tiada tempat lain di dunia.

Tahukah anda juga bahawa dianggarkan 1,500 spesies vertebrata terdapat di daratan. Manakala, spesies endemik yang terdapat di negara ini ialah 27 spesies daripada 286 spesies mamalia dan 11 jenis burung daripada 736 spesies ditemui.

Namun, tahukah anda populasi spesies ini semakin berkurangan dan sesetengahnya pula mula pupus akibat kerakusan manusia sendiri?

Ini diakui oleh The World Conservation Union (IUCN) atau Kesatuan Pemuliharaan Dunia yang menganggarkan

terdapat lebih 16,000 spesies hidupan liar yang diancam kepupusan di dunia. IUCN menganggarkan hanya 2 hingga 4 peratus daripada semua spesies daripada jumlah sebenar masih wujud pada hari ini.

Spesies flora dan fauna mempunyai peranan yang penting dalam mengimbangi ekosistem kita untuk mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Proses serta kitaran yang melibatkan flora dan fauna ini adalah kritika dan lebih lagi ia percuma. Daripada bekalan air bersih hingga kawalan vektor penyakit boleh diperolehi daripada proses kitaran semula jadi ini.

Oleh demikian, apakah peranan kita sebagai manusia yang bertanggungjawab untuk melindungi spesies ini pada masa hadapan?

Ketua Jabatan Zoologi, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) Unimas, Profesor Madya Dr Mohd-Azlan J.



PUPUK MINAT... melentur bulur biarlah dari rebungunya.

Azad berkata sifat empati perlu ada dalam setiap insan dalam usaha melindungi spesies ini daripada pupus.

Katanya, masalah tidak mepedulikan dan tidak merasa terkesan dengan kepupusan spesies ini adalah antara

punca utama masyarakat membiarkan sahaja permasalahan ini berlaku dari semasa ke semasa.

"Yang penting ialah rasa kesedaran dan menghargai kewujudan spesies ini untuk masa depan dalam kalangan masyarakat sendiri.

"Jika kita tidak rasa terkesan dengan kepupusan spesies ini atau tidak menghargainya sehingga kita benar-benar kehilangannya, kita akan menyesal kemudian hari," katanya lagi.

Beliau berkata, Unimas menerusi jabatan mereka memulakan program dipanggil Kembara Zoologi yang diadakan di beberapa sekolah rendah dan sekolah menengah.

Program tersebut, katanya bermula sejak tiga tahun lepas menyasarkan pelajar sekolah yang akan diberi pendedahan tentang perlindungan alam sekitar dan spesies hidupan liar yang terlindung.

Jelas beliau, program berkenaan diisi pelbagai aktiviti antaranya ceramah, kuiz, pa-



KEKAYAAN BIODIVERSITI... Profesor Madya Dr Mohd Azlan meminta supaya lebih ramai pihak tampil membantu menjayakan Kembara Zoologi.

meran, tanya Profesor untuk menunjuk dan sebagainya.

"Objektif program ini untuk melihat pelajar sejak di bangku sekolah dapat menanam semangat cinta akan alam sekitar.

"Bak kata pepatah Melayu, melentur bulur biar dari rebungnya," katanya lagi.

Beliau menambah, program itu juga mendidik pelajar untuk berkongsi pengetahuan tentang perlindungan alam sekitar dan hidupan liar kepada ahli keluarga dan saudara-mara.

Beliau turut berharap agar semua pihak memainkan tanggungjawab masing-masing supaya alam sekitar dan

hidupan liar dapat dipulihara dan dikekalkan sehingga generasi masa hadapan.

Kami bercadang untuk meluaskan program ini ke seluruh Sarawak tetapi dikekang oleh peruntukan.

Beliau juga berharap agar ada agensi tempatan serta badan korporat tampil ke hadapan dalam usaha membantu serta memantapkan program ini.

"Terkilan juga apabila pihak luar menyatakan kita usaha kita tidak cukup.

"Usaha ini harus diketengahkan dengan bantuan dan sokongan industri tempatan. "Kita bangga dengan bio-

diversiti, justeru kita perlu menunjukkan kepada masyarakat luar bahawa kita mampu menerajui program seperti ini dengan galakan dan sokongan dari dalam negeri," katanya.

Kembara zoologi bermula 2 Oktober 2013 anjuran Jabatan Zoologi, FSTS Unimas dengan sekolah pertama dipilih ialah Sekolah Kebangsaan Meranek, Kota Samarahan.

Kembara zoologi di sekolah tersebut melibatkan 110 pelajar dari Darjah 3, 4 dan 5, juga melibatkan 20 guru dan 32 staf termasuk pelajar dari Jabatan Zoologi Unimas.



Dr Mohd-Azlan semasa memberi ceramah.

LINDUNGI HIDUPAN LIAR... Dr Mohd-Azlan.

Gambar kenang-kenangan.... Program pertama kembara zoologi di Sekolah Kebangsaan Meranek, Kota Samarahan.

